Source: *Berita Harian,* p2
Date: 4 November 2020

Covid-19: Sistem automatik baru pantau paras oksigen dalam darah

SEBUAH alat yang menguji paras oksigen dalam darah kini antara sistem yang boleh digunakan di Singapura untuk menentukan sama ada seseorang dijangkiti Covid-19.

Paras oksigen darah rendah boleh menjadi simptom Covid-19 dan alat baru ini menggunakan oksimeter nadiBluetooth untuk mengukur paras oksigen darah itu.

Kaedah ini bermakna data paras oksigen dari ribuan individu boleh dikumpulkan secara automatik dan ditunjukkan dengan kemas di skrin tablet atau komputer.

Alat ini dihasilkan oleh sebuah pasukan penyelidik daripada Universiti Nasional Singapura (NUS) selepas berunding dengan pakar perubatan dari Hospital Universiti Nasional (NUH) dan Hospital Besar Singapura (SGH).

Proses itu, yang berlangsung dari April hingga Jun, disokong oleh Yayasan Temasek dan Yayasan Penyelidikan Nasional (NRF).

Alat baru itu terdiri daripada beberapa komponen: nod wayarles untuk merakamkan data daripada oksimeter nadi, alat WiFi dan alat yang memaparkan data itu.

Dengan sistem wayerles itu, pekerja memulakan proses pemantauan dengan memasang oksimeter nadi itu di jari telunjuk mereka sedang mereka berada enam meter dari nod wayarles itu. Proses itu lengkap dalam masa 30 saat.

Data itu kemudian dihantar secara wayarles ke alat simpanan awanan untuk disimpan dan dipaparkan.

Data yang ditunjukkan itu diasingkan mengikut kod berwarna.

Individu akan juga menerima mesej teks di telefon bimbit yang memberitahu mereka hasil ujian yang dijalani.

Pasukan dari NUS itu telah mengadakan ujian rintis dua bulan di sebuah dormitori yang dihuni pekerja dari Soilbuild Construction Group.

Seramai 24 pekerja asing yang tinggal di dormitori itu yang sebelum ini diuji negatif bagi Covid-19 menyertai ujian tersebut.

Mereka perlu memeriksa dan mencatat bacaan oksimeter mereka empat kali sehari.

Ujian itu menunjukkan pekerja boleh dipantau dengan berkesan, tanpa campur tangan pengendali operator.

Pasukan NUS itu berharap untuk memasang alat tersebut di lebih banyak dormitori pekerja asing dan tempat jagaan masyarakat, lapor *The Straits Times.*

KES COVID-19 DI S'PURA – 3 NOV

JUMLAH KES BARU: 9

DALAM MASYARAKAT: 0

DI DORMITORI: 2

IMPORT: 7

KEMATIAN: 28

KESELURUHAN KES: 58,029 (hingga 12 tengah hari semalam)

Laporan terkini kes Covid-19 tempatan di www.beritaharian.sg

Source: Berita Harian © Singapore Press Holdings Ltd. Permission required for reproduction.